

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2015/2016

Mei/Jun 2016

**JMS 101 – Pengantar Sejarah**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Terangkan pengertian sejarah dari sudut pandangan Muhd. Yusof Ibrahim.  
(100 markah)
2. Menurut Arthur Marwick, pengajian sejarah adalah pengkajian tentang sumber. Berdasarkan pernyataan tersebut, huraikan apakah yang dimaksudkan dengan sumber sejarah? Jelaskan pengelasan sumber-sumber tersebut dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.  
(100 markah)
3. Kaedah-kaedah yang berkesan telah dicari yang “membenarkan pengasingan kebenaran daripada pendustaan” dalam sumber sejarah. Huraikan.  
(100 markah)
4. Carl Becker dan Charles Beard mempertikaikan pandangan pendukung aliran sejarah objektif. Bahaskan.  
(100 markah)
5. Apakah yang dimaksudkan dengan pengadilan moral? Nyatakan alasan-alasan yang dikemukakan oleh penyokong-penyokong pengadilan moral bagi mewajarkan pengadilan itu dalam penulisan sejarah.  
(100 markah)
6. Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan E. H. Carr bahawa “kajian sejarah adalah kajian sebab-musabab”?  
(100 markah)